

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

ASID TRANEXEMIC



SINGHEALTH / PIL / M131R0



MENGENAI ubat anda

Asid tranexemic digunakan untuk pesakit-pesakit yang mengalami risiko pendarahan atau yang sudah mengalami episod pendarahan. Ubat ini bertindak dengan mencegah bekuan darah daripada dilarutkan, dengan ini mencegah pendarahan seterusnya.

BAGAIMANA cara untuk saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu ambil berdasarkan pada tahap kesakitan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsi oleh doktor anda.

Asid tranexamic boleh disuntikkan ke dalam saluran darah (intraveneus), atau dimakan dalam bentuk tablet atau cecair. Ubat ini boleh diambil 2 – 3 kali sehari.

Asid tranexamic juga boleh diberikan sebagai ubat kumur untuk mencegah pendarahan yang disebabkan oleh sesetengah pembedahan gigi.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa mengambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila hubungi doktor anda untuk memastikan apa yang patut anda lakukan.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku apabila mengambil ubat ini?

Kesan-sesan sampingan termasuk cirir-birit, sakit kepala, mual, kepeningan, pitam dan hidung tersumbat. Kebanyakan kesan sampingan adalah ringan dan tidak memerlukan penghentian ubat kecuali kesan-kesan ini adalah serius.

Sila laporkan kepada doktor anda dengan segera jika berlakunya berikut:

- Perubahan penglihatan termasuk kekaburuan penglihatan atau perubahan warna
- Tidak dapat membuang air kencing

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor anda jika anda menghidapi penyakit buah pinggang atau penyakit mata. Dos yang diperlukan mungkin perlu diubahsuai.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sesetengah ubat-ubatan lain, jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat-ubat lain atau jika ada berlakunya alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.